



7 September 2013

Untuk Siaran Segera

SEBUAH WADAH PENUH SEMANGAT DAN TENAGA YANG MEMAPARKAN KEPELBAGAIAN BAHASA MELAYU PADA BULAN BAHASA 2013

Bulan Bahasa yang ke-27 kembali dengan hujung minggu pelancaran selama dua hari yang padat dengan aktiviti untuk menyambut dan memaparkan kepelbagaian fungsi bahasa Melayu.

Tahun ini, Bulan Bahasa akan memberikan tumpuan kepada tiga ciri bahasa Melayu, iaitu – Bahasa Ilmu, Bahasa Budaya dan Bahasa Mesra – menyerlahkan kepelbagaian fungsi bahasa ini.

“Setiap tahun, kami berusaha melibatkan setiap anggota masyarakat Melayu, dan tahun ini kami telah mendapatkan ramai individu, pelbagai organisasi dan kumpulan untuk menganjurkan program-program yang membolehkan masyarakat untuk mengalami tema tahun ini yang memaparkan kekayaan dan kepentingan bahasa Melayu” kata Encik Zaqy Mohamad, Pengurus, Bulan Bahasa 2013. “Bahasa Melayu milik kita semua dan menjadi tanggungjawab kita untuk memastikannya sentiasa dilestarikan oleh generasi muda dan seterusnya.”

Bulan Bahasa 2013 telah dilancarkan pada hari ini di River Room, Muzium Tamadun Asia (ACM), dengan Encik Lawrence Wong, Pemangku Menteri, Kebudayaan, Masyarakat dan Belia sebagai Tetamu Terhormat.

Permulaan Gilang Gemilang Program Kemelayuan Selama Sebulan

Pengunjung ke Muzium Tamadun Asia pada hari ini dan esok akan mengalami sebuah karnival yang padat dengan program-program interaktif yang sesuai untuk semua peringkat umur. Kali ini merupakan kali pertama Bulan Bahasa bekerjasama dengan pihak muzium untuk pelancarannya, kerjasama yang menunjukkan kepentingan bahasa untuk memahami dan menghargai budaya kita. Pekarangan Muzium Tamadun Asia yang cantik dan bersejarah juga membolehkan aktiviti-aktiviti pelbagai genre dianjurkan, secara khas oleh rakan-rakan kerjasama yang mengambil bahagian.

Muzik

Pentas yang terletak di ACM Green selama dua malam berturut-turut akan diserikan oleh Art Fazil dan rakan-rakannya. Dinamakan “Pentas Seloka”, yang merujuk pada jenis puisi bebas tradisional Melayu, Art Fazil telah menyatukan gabungan persembahan hebat dari Hip Hop ke Blues dan Dondang Sayang yang romantis. Pencinta muzik juga akan berpeluang menyaksikan penampilan khas dan persembahan oleh legenda, Puan Momo Latif.



Keluarga

Keluarga juga dapat meluangkan masa di ACM Green untuk mempelajari cara-cara melukis Batik dan Wau sendiri, sambil bermain permainan tradisional seperti Gasing. Untuk aktiviti yang lebih santai, Learning Gallery akan dipenuhi dengan koleksi buku-buku Melayu yang dipilih khas untuk keluarga membaca bersama atau anak-anak belajar daripada seorang kawan pelajar dari Madrasah.

Sukan

Para peminat sukan akan menantikan pesta hujung minggu ini. Pada hari Sabtu, anda akan terpesona dengan gerakan pesilat-peilat yang lemah lembut tetapi tetap bertenaga, lengkap dengan pakaian tradisional mereka. Pada hari Ahad, pasukan Singa Muda Courts akan hadir untuk berjumpa dan bermain perlawanan-perlawanan persahabatan dengan orang ramai.

Teater

Para peminat teater juga tidak dipinggirkan. Langsung ke Auditorium Ngee Ann untuk menyaksikan persembahan Bangsawan terkini yang diadaptasikan daripada “Harry Potter and the Deathly Hallows” oleh TEATRO Politeknik Temasek. Teater Artistik juga akan mempersembahkan sebuah persembahan bergerak yang mengandungi tiga monolog dalam “The Artistic Monologue Project”.

Senarai program yang lengkap untuk pesta dua hari ini dan untuk sepanjang Bulan Bahasa ini boleh didapati di laman Majlis Bahasa Melayu Singapura: <https://mbms.sg>.

Duta Bahasa - Contoh Tauladan Penting untuk Masyarakat

Majlis Bahasa Melayu Singapura telah melantik empat individu Melayu daripada pelbagai latar sebagai Duta Bahasa Melayu 2013, menjadikan jumlah Duta Bahasa sejauh ini kepada 18 orang.

Duta Bahasa pada tahun ini adalah penggiat teater Aidli Alin Mosbit, Pelakon dan Pengacara Popular Nurul Aini, Kapten pasukan LIONS XII Shahril Ishak dan Penyanyi Siti Zahidah Fadil.

Empat Duta Bahasa yang dilantik ini merupakan suri teladan atau *role model* yang menggunakan bahasa Melayu, di samping menjadi inspirasi kepada golongan yang dipengaruhi oleh mereka supaya menjadi pengguna bahasa Melayu yang aktif dalam kehidupan seharian mereka.



Gerbang Bahasa – Aplikasi Kalendar Pertama untuk Aktiviti Kebahasaan Melayu di Singapura

Dapatkan maklumat mengenai semua aktiviti menarik hujung minggu ini dan juga semua aktiviti yang terdapat sepanjang tahun dengan aplikasi telefon bijak Gerbang Bahasa. Disediakan untuk kedua-dua alat iOS dan Android, aplikasi ini memaparkan senarai kalendar komprehensif yang mesra telefon, khidmat pemberitahuan tolak dan alat perkongsian media sosial yang berguna.

Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma daripada Apple Store dan Google Play.

~~~



### **Tentang Bulan Bahasa**

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura sebagai satu inisiatif untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka. Pengguna bahasa Melayu ialah pewaris dan duta bahasa Melayu untuk memastikan bahasa Melayu dilestarikan menerusi penggunaan yang berterusan. Daripada acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2010, Bulan Bahasa telah menjadi acara tahunan. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk menggalakkan dan memberikan keyakinan dalam dan penguasaan bahasa Melayu.

Untuk maklumat lanjut tentang Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Bulan Bahasa sila lungsuri laman <http://mbms.sg>.